

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN HAJI MUSA [KETEREH]**

TARIKH : 4 DISEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 34

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah punca berlakunya kegagalan sistem di KLIA dan apakah hasil penyiasatan yang telah dilakukan.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada 21 hingga 30 Ogos 2019, infrastruktur rangkaian lapangan terbang (*Airport Network Infrastructure*) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) telah gagal berfungsi dengan baik. Kegagalan ini telah melumpuhkan sistem *Total Airport Management System* (TAMS) di KLIA yang menjejaskan operasi utama lapangan terbang. TAMS merupakan sistem pengurusan lapangan terbang bersepadu yang diintegrasikan dengan majoriti komponen sistem maklumat berelektronik di lapangan terbang yang dihubungkan melalui kabel optik fiber berkelajuan tinggi.
2. Insiden kegagalan rangkaian TAMS di KLIA telah menyebabkan gangguan kepada beberapa komponen sistem maklumat berelektronik seperti Sistem Pengendalian Bagasi (BHS), Sistem Paparan Maklumat Penerbangan (FIDS), Sistem Imigresen dan Kastam, dan Sistem Pengurusan Bangunan (BMS). Ini menyebabkan berlakunya pembatalan dan kelewatan penerbangan, kelewatan penerimaan dan penghantaran bagasi serta kesesakan.
3. Susulan insiden tersebut, Kementerian Pengangkutan pada 28 Ogos 2019 telah menubuhkan Jawatankuasa Peringkat Kementerian Bagi Menyiasat Isu Kegagalan Total Airport Management Systems secara pentadbiran. Tujuan utama penyiasatan dilaksanakan adalah untuk menentukan hal keadaan dan punca sebenar kegagalan rangkaian TAMS di KLIA bagi mengelakkan insiden yang sama berlaku pada masa hadapan. Penyiasatan yang dijalankan tidak bertujuan untuk membuktikan kesalahan atau liabiliti (*not for the purpose to apportion blame or liability*) kepada mana-mana pihak.
4. Hasil siasatan yang dijalankan, kegagalan rangkaian TAMS adalah disebabkan oleh kegagalan Rangkaian Suis Teras (*Core Network Switches*) untuk berfungsi dan ketidakupayaan untuk memisahkan

NO. SOALAN : 34

rangkaian suis teras tersebut. Suis teras tersebut telah pun beroperasi semenjak KLIA beroperasi pada tahun 1998 dan tidak diganti. Suis teras adalah merupakan suis yang menghubungkan kesemua rangkaian sistem di KLIA.

5. Jawatankuasa Siasatan juga telah mengesyorkan tindakan-tindakan penambahbaikan yang perlu diambil tindakan oleh MAHB antara lain meliputi perkara-perkara yang melibatkan memperkukuhkan operasi Jabatan Teknologi Maklumat, merombak sistem rangkaian TAMS dan menyemak serta memperbaiki *Business Continuity Plan*. Pihak MAHB sedang mengambil tindakan-tindakan penambahbaikan sejajar dengan syor-syor yang telah dicadangkan oleh Jawatankuasa Siasatan tersebut.

Sekian, terima kasih.